

Ahli lembaga pengarah GLC tentukan gaji CEO tinggi

➔ Presiden UNI-MLC setuju cadangan kerajaan kaji semula skala gaji

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
mriduwan@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Ahli Lembaga Pengarah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) harus dipertanggungjawabkan dalam isu pembayaran gaji terlalu tinggi bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) mahupun pengarah syarikat.

Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Mohamed Shafie BP Mammal, berkata ini kerana lembaga pengarah syarikat terbabit secara langsung memberi kelulusan kenaikan gaji dan elaun.

"Saya salahkan lembaga pengarah kerana dalam syarikat GLC ada wakil kerajaan dan

kementerian Kewangan. Apa peranan mereka.

"Jika gaji atau elaun naik, bukan CEO atau pengarah terbabit yang minta, ia cadangan diberikan dan diluluskan lembaga pengarah.

"Saya salahkan ahli lembaga pengarah, mereka tidak boleh 'cuci tangan' dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya. Selain itu, cukai pendapatan adakah dibayar syarikat atau mereka sendiri," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Rapatkan jurang gaji

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa kerajaan mungkin menurunkan gaji peneraju di GLC bagi merapatkan jurang perbezaan gaji antara Ahli Parlimen dengan sektor swasta.

Pada sidang media selepas menghadiri program Taklimat Governans, Integriti dan Anti Rasuah di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya, Dr Mahathir dipetik berkata, ada peneraju GLC dibayar sehingga RM7 juta setahun.

Mohamed Shafie berkata, cadangan kerajaan mengkaji semula skala gaji terbabit wajar disokong bagi memastikan kelangsungan prestasi GLC yang



Saya salahkan ahli lembaga pengarah, mereka tidak boleh 'cuci tangan' dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya. Selain itu, cukai pendapatan adakah dibayar syarikat atau mereka sendiri"

**Mohamed Shafie
BP Mammal,**
Presiden UNI-MLC

semakin menurun.

"Sebagai bekas Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Telekom Malaysia yang diswastakan pada 1987, sampai hari ini, gaji (pengarah) memang lumayan, begitu juga di syarikat GLC lain.

"Jadi, sekarang perlu ada skala gaji dan bukan mengikut sesuka hati ahli lembaga pengarah. Kita juga lihat kebanyakan GLC kini kurang menyerlah, jadi wajar gaji mereka dikaji semula," katanya.

Prestasi GLC

Selain itu, beliau berkata, turun naik prestasi sesebuah GLC bukan bergantung kepada pengarah atau CEO, tetapi muafakat semua pekerjanya.

"Syarikat berjaya kerana kerajaan menswastakannya dan melantik mereka, jadi kemajuan dicapai syarikat adalah hasil kerjasama berpasukan semua pekerja," katanya.

Mohamed Shafie berkata, beliau mencadangkan kerajaan mengkaji komposisi ahli lembaga pengarah di sesebuah GLC, sama ada dilantik berdasarkan kepakaran atau sebaliknya.

Katanya, ini penting bagi memastikan wujud keadaan 'semak danimbang' kerana hala tuju syarikat GLC tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada perunding luar.